



# QasehLink Pintar Plus

Mencapai matlamat kewangan anda sambil melindungi orang yang tersayang

Pelan ini adalah pelan insurans berkaitan pelaburan premium berkala.




FWD Insurance Berhad adalah ahli PIDM. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIUL/POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

## Mencapai matlamat kewangan anda sambil melindungi orang yang tersayang

Kehidupan kita dipenuhi dengan pelbagai pencapaian menarik dan peluang tanpa batas. Setiap hari membawa peluang baharu untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi ke tahap kehidupan yang berbeza. Namun, penting untuk kita bersiap sedia menghadapi keperluan setiap langkah, sama ada merancang untuk persaraan atau membeli rumah idaman. Perancangan kewangan memainkan peranan penting untuk memastikan kita dapat melindungi apa yang bernilai dan mencapai impian kita.

Memperkenalkan **QasehLink Pintar Plus**, sebuah pelan insurans berkaitan pelaburan premium berkala yang menggabungkan perlindungan dan pelaburan. Raikan setiap detik kehidupan anda dengan penuh keyakinan, sementara memastikan impian dan orang tersayang anda sentiasa terjaga dengan **QasehLink Pintar Plus**.

# Mulakan dengan 4 langkah yang mudah!



## Kemudahan dalam pakej



Premium insurans daripada RM1,200 setahun.



Premium pelaburan daripada RM300 setahun.



Premium akan diperuntukkan menurut pilihan dana anda.



Potensi penerimaan pulangan lebih tinggi bergantung kepada prestasi dana apabila polisi matang.

# Manfaat-manfaat QasehLink Pintar Plus

## Manfaat Kematian

**100%**

jumlah perlindungan atau Nilai Akaun Pelaburan (yang mana lebih tinggi).

## Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)

**100%**

jumlah perlindungan atau Nilai Akaun Pelaburan (yang mana lebih tinggi) sehingga

**RM4.0 juta,**

sehingga umur 75 tahun.



## Smart Protection

Kami secara automatik meningkatkan jumlah perlindungan kematian & HUMK anda sebanyak

**5%** daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan permulaan atau semasa\* (yang mana lebih rendah) **setiap 5 tahun, sebanyak 4 kali** seperti jadual di bawah:



Permulaan tahun polisi	Peratusan tambahan
Ke-6	5%
Ke-11	5%
Ke-16	5%
Ke-21	5%

\*Jumlah Asas yang Diinsuranskan semasa termasuk sebarang perubahan pada Jumlah Asas yang Diinsuranskan yang disebabkan oleh ciri-ciri produk (contohnya: Smart Protection) atau Endorsan; atau kedua-duanya.

## Tingkatkan Kekayaan Anda dengan Wealth Bonus\*

Menerima **5%** daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan permulaan pada setiap 10 tahun untuk meningkatkan kekayaan anda.



## Lindungi Keluarga Anda dengan Pelan Keluarga



Lindungi pasangan dan anak-anak anda dengan premium tahunan asas bermula **daripada RM600** dan **Wealth Bonus\*** tambahan sebanyak 1% **daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan permulaan** bagi setiap Polisi Subsidiari di bawah Pelan Keluarga.

\*Manfaat Wealth Bonus akan dikreditkan ke dalam Akaun Pelaburan dengan kadar peruntukan 100%.

## Tingkatkan Perlindungan Anda dengan Pelan Rider Pra-pakej

Pelan anda dilengkapi dengan

### pilihan rider tambahan



untuk kemudahan anda dan perlindungan yang lebih menyeluruh, termasuk Manfaat Penghospitalan dan Pembedahan, Penyakit Kritikal, Kemalangan Peribadi dan Penepian Premium.

## Manfaat Kematangan



Menerima pembayaran sekali gus daripada Nilai Akaun Pelaburan anda apabila polisi matang.

## Pendaftaran yang Mudah



Jawab beberapa soalan kesihatan yang ringkas untuk pendaftaran yang mudah. Tiada pemeriksaan kesihatan diperlukan.

## Jaminan Tidak Luput



Perlindungan anda terjamin untuk 5 tahun polisi pertama tanpa mengira prestasi pasaran.

\*Sila rujuk Helaian Keterangan Produk untuk maklumat lanjut.

## Fleksibiliti dan Kawalan Pelan Anda

### Pilihan Tempoh Polisi dan Tempoh Premium

Terdapat beberapa tempoh polisi dan tempoh premium yang boleh anda pilih berdasarkan umur penyertaan anda:

Umur Penyertaan (Hari Lahir Berikutnya)	Tempoh Polisi	Tempoh Premium
14 hari - 45 tahun	Sehingga umur 70, 80, 90 atau 100 tahun	<ul style="list-style-type: none"><li>• 10 tahun;</li><li>• Sehingga umur 55 tahun; atau</li><li>• Tempoh polisi penuh</li></ul>
46 - 50 tahun	Sehingga umur 70, 80, 90 atau 100 tahun	<ul style="list-style-type: none"><li>• 10 tahun; atau</li><li>• Tempoh polisi penuh</li></ul>
51 - 55 tahun	Sehingga umur 75, 80, 90 atau 100 tahun	<ul style="list-style-type: none"><li>• 10 tahun; atau</li><li>• Tempoh polisi penuh</li></ul>



## Pengurusan Dana Berkaitan Pelaburan Secara Profesional

Anda mempunyai kawalan sepenuhnya terhadap pilihan pelaburan anda. Berdasarkan tahap toleransi risiko anda, terdapat empat pilihan peruntukan strategik yang boleh anda pilih:

Strategik	Peruntukan Pelaburan	Profil Risiko
Konservatif	<ul style="list-style-type: none"><li>• 90% dalam Dana FWD Invest Bond</li><li>• 10% dalam Dana FWD Invest-i Global Balanced Hedged</li></ul>	Untuk pelanggan yang mementingkan pemeliharaan modal.
Sederhana	<ul style="list-style-type: none"><li>• 25% dalam Dana FWD Invest Bond</li><li>• 25% dalam Dana FWD Invest Dividend</li><li>• 50% dalam Dana FWD Invest-i Global Balanced Hedged</li></ul>	Untuk pelanggan yang bersedia untuk mengambil risiko pelaburan yang sederhana.
Sederhana-i	<ul style="list-style-type: none"><li>• 100% dalam Dana FWD Invest-i Global Balanced Hedged</li></ul>	
Agresif	<ul style="list-style-type: none"><li>• 75% dalam Dana FWD Invest Dividend</li><li>• 25% dalam Dana FWD Invest-i Global Balanced Hedged</li></ul>	Untuk pelanggan yang mementingkan pertumbuhan modal, bersedia untuk mengambil risiko pelaburan yang tinggi.

Nota: Pelaburan dalam dana mungkin memberikan pulangan yang lebih tinggi daripada pelan insurans hayat tradisional dalam jangka masa panjang. Namun, perlu diingati bahawa pulangan yang lebih tinggi juga mempunyai risiko yang lebih besar dan pulangan berpotensi lebih rendah daripada kadar yang dinyatakan.

Anda boleh menukar peruntukan dana dengan peratusan (%) yang anda inginkan, tokokan, dan mengalihkan semula premium anda pada bila-bila masa tanpa sebarang kos.

## Pilihan Premium, Tokokan Nilai & Pengeluaran

Anda boleh memilih untuk menyesuaikan premium anda mengikut keperluan pada tahap kehidupan berbeza.

- Pilihan Premium Tokokan Tunggal atau Berkala:** Tingkatkan simpanan dan maksimakan potensi pelaburan anda dengan pilihan Tokokan Tunggal atau pilih pertumbuhan konsisten melalui Tokokan Berkala.
- Pilihan Pengeluaran:** Bermula dari tahun polisi ke-5, anda boleh membuat pengeluaran daripada akaun anda tanpa caj tambahan, tertakluk kepada pengeluaran minimum sekali sebanyak RM500 dan baki akaun minimum RM1,000.

Jenis Premium	Tempoh Premium	Premium Minimum	Peratusan Peruntukan Premium
Premium Berkala (Polisi Induk)	<ul style="list-style-type: none"> <li>10 tahun;</li> <li>Sehingga umur 55 tahun; atau</li> <li>Tempoh polisi penuh</li> </ul>	RM1,200 setahun	Sila rujuk jadual Peruntukan Premium untuk Premium Insurans di sebelah kanan.
Premium Berkala (Polisi Subsidiari)	<ul style="list-style-type: none"> <li>10 tahun; atau</li> <li>Sehingga umur 55 tahun</li> <li>Tempoh polisi penuh</li> </ul>	RM1,200 setahun RM600 setahun	
Premium Tokokan Berkala	<ul style="list-style-type: none"> <li>10 tahun;</li> <li>Sehingga umur 55 tahun; atau</li> <li>Tempoh polisi penuh</li> </ul>	RM300 setahun	95%
Premium Tokokan Tunggal		RM100	

Nota: Pulangan tidak dijamin dan bergantung pada prestasi dana berkaitan pelaburan yang dipilih. Prestasi dana berkaitan pelaburan terdahulu tidak mencerminkan prestasi masa hadapan.

### Peruntukan Premium

Berdasarkan tempoh bayaran premium yang anda pilih, premium insurans anda yang dibayar diperuntukkan kepada dana unit pada kadar berikut:

Tahun Polisi	Kadar Peruntukan Premium Insurans (%)										
	Tempoh Bayaran Premium										
	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
1	70	69	68	67	66	65	64	63	62	61	60
2	70	69	68	67	66	65	64	63	62	61	60
3	80	78	76	74	72	70	68	66	64	62	60
4	85	84	83	82	81	80	80	80	80	80	80
5	95	94	93	92	91	90	88	86	84	82	80
6	100	98	96	94	92	90	88	86	84	82	80
7	100	99	98	97	96	95	95	95	95	95	95
8	100	99	98	97	96	95	95	95	95	95	95
9	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
10	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
11 & seterusnya	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100

## Tingkatkan Perlindungan Anda dengan Pilihan Rider

Kami menyediakan empat pelan pra-pakej dengan menyertakan rider berikut dalam pelan asas. Anda boleh membuat pilihan daripada empat pelan pra-pakej ini mengikut keperluan perlindungan anda. Nikmati ketenangan jiwa dengan pengetahuan bahawa bebanan kewangan anda akan dijaga sekiranya berlaku kejadian tertentu yang tidak dijangkakan.

Rider	Manfaat
FWD IL PA	<p><b>Perlindungan Kemalangan Komprehensif</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>Terima <b>Pampasan</b> untuk Kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) akibat kemalangan.</li><li>Terima <b>Pampasan Berganda</b> sekiranya kematian akibat kemalangan melibatkan pengangkutan awam dan bangunan awam.</li></ul>
FWD IL Medicare	<ul style="list-style-type: none"><li><b>Manfaat Tunai Harian</b> Terima pendapatan harian tetap <b>setinggi RM250</b> semasa penghospitalan.</li><li><b>Bayaran Balik Kos Pembedahan</b> Bayaran sekali gus <b>setinggi RM5,000</b> akan dibuat sebagai bayaran balik kos tanggungan pembedahan kritikal.</li></ul>
FWD IL CI (Accelerated)	<p><b>Manfaat Penyakit Kritikal</b></p> <p>Bayaran sekali gus akan dibuat sekiranya anda <b>didiagnosis dengan salah satu daripada 45 penyakit kritikal</b>.</p>
FWD IL Living Extra (WOP)	<p><b>Penepian Premium*</b> untuk Orang Yang Diinsuranskan</p> <p>Jika Orang Yang Diinsuranskan <b>didiagnosis dengan salah satu daripada 44 penyakit kritikal</b>, premium polisi yang seterusnya akan diketepikan hingga tarikh tamat tempoh rider ini.</p>
FWD IL WOP	<p><b>Penepian Premium*</b> untuk Pemilik Polisi</p> <p>Jika Pemilik Polisi mengalami Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK), atau <b>didiagnosis dengan salah satu daripada 44 penyakit kritikal</b>, premium polisi yang seterusnya akan diketepikan hingga tarikh tamat tempoh rider ini.</p>



\*Tidak berkenaan dengan Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk Penyakit Arteri Koronari.

Nota: Sila rujuk Helaian Keterangan Produk dan kontrak polisi untuk maklumat lanjut mengenai pengecualian serta terma dan syarat rider.

### Empat pelan pra-pakej untuk pilihan anda adalah seperti berikut:



- Manfaat Kematian & HUMK
- FWD IL PA
- FWD IL WOP



- Manfaat Kematian & HUMK
- FWD IL PA
- FWD IL Living Extra (WOP)



- Manfaat Kematian & HUMK
- FWD IL PA
- FWD IL Medicare
- FWD IL CI (Accelerated)
- FWD IL Living Extra (WOP)



- Manfaat Kematian & HUMK
- FWD IL WOP

\*Anda dibenarkan untuk menukar pakej, menaik taraf, atau menurunkan taraf pada bila-bila masa, tertakluk kepada proses pengunderitan yang mudah.

# Ke arah pencapaian impian kewangan

## Tinjauan ringkas perjalanan Polisi Induk QasehLink Pintar Plus:



Encik Zaidi, berumur 30 tahun, ingin mencapai impian kewangannya sambil melindungi keluarganya. Beliau membeli **QasehLink Pintar Plus** (pelan Optima) dengan **jumlah asas yang diinsuranskan sebanyak RM60,000**, memberikan perlindungan sehingga umur 70 tahun.

Beliau akan dilindungi dengan insurans **kematian, kematian akibat kemalangan dan HUMK** serta manfaat pra-pakej rider.



Encik Zaidi akan dilindungi dengan:



- **RM60,000 Manfaat Kematian & HUMK.**
- **RM60,000 Manfaat Kemalangan Diri (PA).**
- **RM120,000 Manfaat PA Pampasan Berganda** sekiranya kematian akibat kemalangan melibatkan pengangkutan awam dan bangunan awam.

- **RM30,000 Manfaat Penyakit Kritis Dipercepat.**
- **RM100 Manfaat Tunai Penghospitalan Harian.**
- **RM2,500 Bayaran Balik Kos Pembedahan.**
- Penepian Premium untuk Orang Yang Diinsuranskan



Dengan **Smart Protection**, perlindungan kematian dan HUMK Encik Zaidi akan meningkat secara automatik. Setiap 5 tahun, perlindungannya akan meningkat **sebanyak 5% daripada jumlah asas yang diinsuranskan** iaitu **RM3,000** setinggi 4 kali. Encik Zaidi mempunyai ketenangan minda kerana komitmen kewangannya sentiasa terjamin.



**Wealth Bonus** sebanyak **5% daripada jumlah asas yang diinsuranskan** iaitu **RM3,000** akan dikreditkan ke dalam Akaun Pelaburan dengan kadar peruntukan 100% setiap tahun polis ke-10. Jumlah Wealth Bonus yang akan beliau terima sepanjang tempoh polis adalah **RM12,000**.




Jika berlaku kematian akibat kemalangan, beliau memastikan keluarganya sentiasa terjaga dari segi kewangan, dengan menerima:

- **RM60,000 Manfaat Kematian & HUMK.**
- **RM60,000 Manfaat Kemalangan Diri (PA)** atau **RM120,000 Manfaat PA Pampasan Berganda** sekiranya kematian akibat kemalangan melibatkan pengangkutan awam dan bangunan awam.



Jika tiada kejadian tanpa dijangka berlaku, unjurran Manfaat Kematangan pada umur 70 tahun ialah **RM80,923** dengan syarat tiada pengeluaran sepanjang tahun.

## Unjurran pertumbuhan nilai akaun:



*Nota: Ilustrasi di atas berdasarkan lelaki berumur 30 tahun, bukan perokok, tempoh polis 40 tahun dengan Jumlah Asas yang Diinsuranskan sebanyak RM60,000. Premium tahunan sebanyak RM1,920 (premium asas RM1,200 + premium tokokan berkala RM720). Jumlah premium selama 40 tahun berjumlah RM76,800. Pelaburan tersebut berdasarkan pilihan Dana Agresif iaitu 75% dalam Dana FWD Invest Dividend dan 25% dalam Dana FWD Invest-Global Balanced Hedged. Nilai akaun yang digambarkan untuk setiap tempoh polis berdasarkan pulangan pelaburan 5%. Sila rujuk ilustrasi penjualan dan kontrak polis untuk maklumat lanjut.*

# Ke arah pencapaian impian kewangan (sambung)

Tinjauan ringkas perjalanan Polisi Subsidiari QasehLink Pintar Plus:



Untuk melindungi keluarganya, beliau juga mendaftarkan Pelan Keluarga, memilih pelan Prima (Pelan Subsidiari) bagi isterinya dan pelan Didik (Pelan Subsidiari) untuk anak lelakinya.

Isteri dan anak lelakinya akan dilindungi dengan insurans kematian dan HUMK serta manfaat rider pra-pakej, termasuk **Wealth Bonus tambahan sebanyak 1% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan permulaan** untuk isteri dan anak lelakinya.



Isterinya, umur 30 tahun, akan dilindungi sehingga 70 tahun dengan:



- **RM60,000 Manfaat Kematian & HUMK.**
- **RM60,000 Manfaat Kemalangan Diri (PA).**
- **RM120,000 Manfaat PA Pampasan Berganda** sekiranya kematian akibat kemalangan melibatkan pengangkutan awam dan bangunan awam.
- Penepian Premium untuk Pemilik Polisi.

Anak lelakinya, umur 10 tahun, akan dilindungi sehingga 70 tahun dengan:



- **RM60,000 Manfaat Kematian & HUMK.**
- Penepian Premium untuk Pemilik Polisi.



Dengan **Smart Protection**, perlindungan kematian dan HUMK isteri dan anak lelakinya akan meningkat secara automatik. Setiap 5 tahun, perlindungannya akan meningkat sebanyak **5% daripada jumlah asas yang diinsuranskan** iaitu **RM3,000**, setinggi 4 kali. Encik Zaidi mempunyai ketenangan minda kerana keluarganya mendapat perlindungan yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.



**Wealth Bonus sebanyak 5% dengan 1% tambahan daripada jumlah asas yang diinsuranskan permulaan** untuk isteri dan anak lelakinya, iaitu **RM3,600** untuk setiap polisi subsidiari setiap tahun polisi ke-10, akan dikreditkan ke dalam Akaun Pelaburan dengan kadar peruntukan 100%. Jumlah Wealth Bonus yang akan diterima oleh isteri dan anak lelakinya sepanjang tempoh polisi adalah **RM14,400** dan **RM21,600** masing-masing.



Sekiranya Encik Zaidi mengalami kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK), atau didiagnosis dengan Penyakit Kritikal, premium polisi untuk isteri dan anak lelakinya akan diketepikan hingga tarikh tamat tempoh rider ini.

# Jawapan untuk persoalan anda

Anda mungkin mempunyai beberapa soalan sebelum melanggan pelan ini. Kami akan menjawab semua persoalan anda:

## Siapakah yang layak?

Anda boleh membeli polisi ini jika anda berumur antara 16 dan 100 tahun, sementara umur penyertaan minimum untuk Orang Yang Diinsuranskan ialah 14 hari.

Umur Penyertaan (Hari Lahir Berikutnya)	Minimum	Maximum
Orang Yang Diinsuranskan	14 hari	55 tahun
Pemilik Polisi	16 tahun	100 tahun

*Pemilik Polisi membayar premium, manakala Orang Yang Diinsuranskan dilindungi oleh polisi. Kedua-dua pihak boleh merupakan orang yang sama atau orang lain yang dipilih oleh Pemilik Polisi. Bagi Pelan Didik, umur Orang Yang Diinsuranskan mestilah tidak melebihi 15 tahun, dan umur Pemilik Polisi mestilah tidak melebihi 60 tahun.*

## Adakah pelan ini layak untuk pelepasan cukai?

Ya, tertakluk pada keputusan akhir Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

## Bagaimana saya membuat tuntutan?

Kumpulkan dan serahkan semua dokumen sokongan bersama borang tuntutan di mana-mana cawangan kami.

## Bagaimana saya memantau prestasi dana?

Anda boleh memantau prestasi dana di [www.fwd.com.my/investment-linked-funds](http://www.fwd.com.my/investment-linked-funds).

## Apakah yuran dan caj yang terlibat?

Yuran dan caj yang dikenakan ke atas dana berkaitan pelaburan anda termasuk caj insurans, caj perkhidmatan bulanan, caj pengurusan dana, caj pengeluaran separa, dan caj pengeluaran penuh/penyerahan polisi.

Yuran dan Caj	Penerangan	
Caj Perkhidmatan Bulanan	Mod Pembayaran	Yuran
	Bulanan	RM 9
Caj Pengurusan Dana	Suku Tahunan, Setengah Tahunan, Tahunan	RM 8
	Nama Dana	% daripada Dana setiap tahun
Caj Pengeluaran Separa/Penuh	Dana FWD Invest Dividend	1.50%
	Dana FWD Invest Bond	1.00%
	Dana FWD Invest-i Global Balanced Hedged	1.25%
Dikenakan sekiranya anda membuat pengeluaran separa atau penuh dalam empat tahun polisi pertama dan caj hanya akan dikenakan pada jumlah pengeluaran ditolak daripada jumlah pengeluaran keseluruhan.		
Jadual Caj Pengeluaran Separa/Penuh		
Pertukaran Dana	Tahun Polisi	Caj Pengeluaran Separa/Penuh (% daripada amaun pengeluaran)
	1-2	10%
	3-4	5%
Tokokan	5 dan seterusnya	0%
	Tiada caj	
	Tiada caj	
Pengalihan Premium	Tiada caj	

**Apakah 45 Penyakit Kritikal yang dilindungi oleh pelan FWD IL CI (Accelerated) plan, dan 44 Penyakit Kritikal yang dilindungi oleh pelan FWD IL WOP dan FWD IL Living Extra (WOP)?**

1. Strok/Angin Ahmar
2. Serangan Jantung – keterukan tertentu
3. Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang
4. Kanser - keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal
5. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
6. Penyakit Arteri Koronari Serius
7. Kegagalan Hati Tahap Akhir
8. Hepatitis Viral Fulminan
9. Koma - mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal yang Berterusan
10. Tumor Otak Benign - keterukan tertentu
11. Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan
12. Buta - Kekal dan Tidak Boleh Pulih
13. Pekak - Kekal dan Tidak Boleh Pulih
14. Kelecuran Tahap Ketiga - keterukan tertentu
15. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
16. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir
17. Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
18. Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang
19. Hilang Keupayaan Bertutur
20. Pembedahan Otak
21. Pembedahan Injap Jantung
22. Penyakit Terminal
23. Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
24. Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
25. Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang
26. Penyakit Neuron Motor – Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan
27. Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
28. Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk
29. Distrofi Otot
30. Pembedahan Aorta
31. Sklerosis Multipel
32. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - keterukan tertentu
33. Penyakit Sistik Medular
34. Kardiomiopati - keterukan tertentu
35. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
36. Sindrom Apallik
37. Keradangan Pankreatitis Berulangan dan Kronik
38. Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)
39. Elephantiasis
40. AIDS Dengan Gejala Penuh
41. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
42. Kelumpuhan Anggota
43. Poliomielitis
44. Skleroderma Progresif
45. Angioplasti Dan Rawatan Invasif Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari\*

\* Pembayaran adalah dihadkan kepada satu peristiwa tuntutan di mana 10% daripada Jumlah yang Diinsuranskan akan dibayar dan tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM 25,000. Baki Jumlah yang Diinsuranskan untuk rider ini akan dibayar apabila didiagnosis salah satu daripada baki 44 Penyakit Kritikal selanjutnya. Tidak berkenaan dengan FWD IL WOP dan FWD IL Living Extra (WOP).

**Nota:** Tempoh menunggu selama 60 hari dikenakan untuk penyakit kritikal, termasuk rawatan koronari, pembedahan pintasan, penyakit arteri koronari serius, kanser dengan tahap keparahan tertentu (tidak termasuk kanser peringkat awal), dan serangan jantung dengan tahap keterukan tertentu. Tempoh menunggu selama 30 hari dikenakan untuk penyakit-penyakit lain.

**Pastikan perlindungan yang berterusan**

Pembayaran premium tepat pada masanya adalah sangat penting untuk memastikan pelan anda dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

**Apakah yang akan berlaku sekiranya pelan saya luput?**

Anda tidak lagi berhak untuk mendapat manfaat QasehLink Pintar Plus.

**Bagaimanakah saya hendak menyemak status pembayaran premium?**

Anda boleh hubungi FWD Insurance Berhad di talian 1-300-22-6262.

**Bagaimanakah saya hendak memastikan pelan perlindungan saya tidak luput?**

Pastikan premium dibayar tepat pada waktunya melalui salah satu kaedah pembayaran yang tersedia untuk kemudahan anda:

- Autodebit
- JomPAY
- Pembayaran melalui kad kredit atau kad debit
- Direct Debit
- E-dompet

**Untuk pertanyaan lain yang tidak disenaraikan di atas, Penasihat Insurans dan Penasihat Kewangan Bank Simpanan Nasional kami bersukacita untuk membantu anda.**

# Harap maklum!

Anda perlu mengambil perhatian tentang beberapa perkara penting seperti yang berikut:

1. Produk insurans ini terikat dengan prestasi aset asas. Ia bukan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini adalah bersesuaian untuk memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar adalah jumlah yang anda mampu.
3. Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini dan rider yang dilampirkan, jika ada, bersesuaian untuk memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar adalah jumlah yang anda mampu. Anda boleh memilih untuk membayar premium anda sama ada secara bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan.
4. Polisi ini tertakluk kepada pengecualian berikut di mana tiada manfaat akan dibayar untuk Pelan Asas dalam keadaan berikut:

**Bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri**

Bunuh diri, cubaan membunuh diri, atau tindakan mencederakan diri sendiri yang dilakukan oleh Orang Yang Diinsuranskan dalam tempoh satu tahun dari permulaan polisi atau tarikh terakhir kami mengembalikan polisi anda, tanpa mengira keadaan mental.

**Tindakan berperang**

Tindakan berperang (sama ada diisyiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau apa-apa peristiwa yang seumpama dengannya.

**Tindakan menyalahi undang-undang**

Apabila anda atau Orang Yang Diinsuranskan menyertai tindakan yang menyalahi undang-undang atau gagal untuk bertindak mengikut undang-undang.

5. Anda diberikan "Tempoh Pengamatian Percuma" selama 15 hari untuk menyemak kesesuaian pelan selepas anda menerima kontrak polisi. Sekiranya anda mengembalikan kontrak polisi kepada kami dalam tempoh ini, kami akan mengembalikan sejumlah wang yang sama dengan Nilai Akaun Pelaburan kepada anda, serta sebarang yuran dan caj yang telah ditolak daripada dana dan amaun premium yang belum diperuntukkan, ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung atas pemeriksaan perubatan dan kontrak polisi akan dibatalkan.
6. Di bawah **Pelan Keluarga**, polisi pertama yang didaftarkan dikenali sebagai **Polisi Induk**. Polisi yang didaftarkan seterusnya dikenali sebagai **Polisi Subsidiari**. Pelan Keluarga boleh melindungi sehingga dua (2) orang ibu bapa dan tiga (3) orang anak.
7. Bagi memastikan **Polisi Subsidiari** layak mendapat **Wealth Bonus sebanyak 1% tambahan daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan permulaan**, Polisi Induk di bawah Pelan Keluarga mestilah kekal aktif dan tidak pernah dibatalkan, diserahkan, luput, atau terbatal sebelum tarikh pembayaran Wealth Bonus.

Jika Polisi Induk dibatalkan, diserahkan, luput, atau terbatal, Wealth Bonus sebanyak 1% tambahan daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan permulaan akan ditamatkan serta-merta. Sebarang pengembalikan semula Polisi Induk selepas itu TIDAK akan mengaktifkan semula manfaat Wealth Bonus tambahan.

*Nota: Pengecualian ini tidak berkaitan dengan Pelan Rider dalam perkara yang dinyatakan di atas.*

8. Dalam **lima (5) tahun polisi pertama**, polisi anda dijamin tidak luput tertakluk kepada:
  - Premium anda dibayar sebelum 30 hari dari tarikh premium yang perlu dibayar;
  - Tiada unit dikeluarkan daripada polisi dalam tempoh ini;
  - Tiada perubahan yang mengakibatkan penolakan unit yang lebih dilakukan.
9. Jika anda menyerahkan polisi sebelum tamat tempoh polisi, anda mungkin akan menerima amaun yang kurang daripada amaun yang telah anda bayar. Jika anda berhenti membayar premium sebelum tamat tempoh pembayaran premium, perlindungan anda mungkin akan ditamatkan lebih awal.
10. Risalah ini adalah untuk maklumat umum sahaja dan senarai pengecualian dan terma dan syarat lain adalah tidak lengkap. Ia bukan kontrak insurans. Sila rujuk Helaian Keterangan Produk dan kontrak polisi untuk maklumat lanjut mengenai terma dan syarat untuk pelan ini.
11. Risalah dalam Bahasa Malaysia tersedia atas permintaan.
12. Jika terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

Lawati cawangan Bank Simpanan Nasional yang terdekat di [bsn.com.my/page/locate-us](http://bsn.com.my/page/locate-us) atau layari [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my)

Pelan ini diedarkan oleh Bank Simpanan Nasional.  
Sila berunding dengan Penasihat Insurans atau Penasihat Kewangan kami untuk maklumat lanjut.

Ibu Pejabat  
Wisma BSN  
117, Jalan Ampang,  
50450, Kuala Lumpur  
Talian Khidmat Pelanggan: 1300 88 1900  
Laman Web: [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my)

Pelan ini diunderait oleh  
**FWD Insurance Berhad [199301022976] (277714-A)**

Ibu Pejabat  
Level 21, Mercu 2,  
No. 3 Jalan Bangsar, KL Eco City,  
59200 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan  
Talian Khidmat Pelanggan: 1300-22-6262  
E-mel: [ask@fwd.com](mailto:ask@fwd.com)  
Laman Web: [www.fwd.com.my](http://www.fwd.com.my)

FWD Insurance Berhad dilesenkan bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.